DEZOR CREAM

Ketoconazole (2% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan DEZOR CREAM
2. Bagaimana DEZOR CREAM berfungsi
3. Sebelum menggunakan DEZOR CREAM
4. Cara menggunakan DEZOR CREAM
5. Semasa menggunakan DEZOR CREAM
6. Kesan- kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan DEZOR CREAM
8 . Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang DEZOR CREAM. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda menggunakan DEZOR CREAM berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan tentang penggunaan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

Simpan risalah ini bersama ubat. Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan Dezor Cream

DEZOR CREAM digunakan untuk merawat jangkitan kulat dan yis pada kulit (*cutaneous candidiasis*), kaki (*athlete's foot*), badan, kaki dan tangan (*tinea corporis*), celah paha (*tinea cruris*), panau dan kulit kering pada bahagian dada dan belakang badan (*pityriasis versicolor*).

Bagaimana DEZOR CREAM berfungsi

Ia mengandungi Ketoconazole, yang berfungsi membunuh kulat yang menyebabkan jangkitan.

Sebelum menggunakan DEZOR CREAM

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan DEZOR CREAM sekiranya anda hipersensitif terhadap:

- Ubat yang mengandungi Ketoconazole.
- Bahan-bahan kandungan yang tersenarai pada hujung risalah ini.

Jangan beri ubat ini pada kank-kanak bawah 2 tahun.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum menggunakan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusu badan.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Penggunaan Ketoconazole bersama dengan rifampicin menyebabkan penurunan aktiviti antikulat. Penggunaan serentak Ketoconazole dan Phenytoin boleh mengubah kepekatan kedua-dua ubat.

Cara menggunakan DEZOR CREAM

-Berapa banyak harus digunakan

Sapu sehari sekali

-Berapa lama perlu digunakan

- Jangkitan yis dan kulat pada kulit, kaki, badan dan tangan: 2 minggu
- Kaki (*athlete's foot*): 4-6 minggu

-Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda mengingatinya. Jika ia menghampiri waktu untuk dos yang berikutnya, langkau dos yang terlepas dan ambil ubat pada waktu berjadual tetap yang berikutnya. Jangan gandakan kuantiti dos untuk menggantikan dos yang ketinggalan.

-Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital berhampiran anda, jika anda atau sesiapa mungkin telah mengguna ubat ini terlalu banyak. Lakukan ini walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan dengan segera.

Semasa menggunakan DEZOR CREAM

-Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda akan mula menggunakan ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang menggunakan DEZOR CREAM.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Elakkan menggunakan DEZOR CREAM pada mata dan membran mukus (untuk kegunaan luar sahaja). DEZOR CREAM boleh menyebabkan kerengsaan kulit. Jika anda tidak pasti, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika kerengsaan atau sensitiviti berlaku, rawatan perlu dihentikan. Sila berjumpa dengan doktor jika tiada perubahan.

Kesan-kesan sampingan

DEZOR CREAM boleh menyebabkan kesan sampingan. Ini termasuk:

- pedih
- keradangan
- bengkak
- melepuh
- menggelupas
- kegatalan
- kekeringan
- kebas

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my *[Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]*.

Cara penyimpanan dan pelupusan DEZOR CREAM

-Penyimpanan

Simpan pada suhu kurang daripada 30°C. Simpan jauh daripada jangkauan kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

DEZOR CREAM adalah krim putih di dalam tiub aluminium bersaiz 5g dan 15g.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif**:**
Ketoconazole

-Bahan-bahan tidak aktif:
Chlorocresol, Cetomacrogol Emulsifying Wax, Butylated Hydroxytoluene, White Soft Paraffin, Liquid Paraffin, Polyethylene Glycol 400, Hydrochloric Acid 37%, Dibasic Sodium Phosphate (Disodium Hydrogen Phosphate Dihydrate) dan Purified Water.

-Nombor MAL **:**
MAL19986505AZ

Pengilang:
HOE Pharmaceuticals Sdn Bhd
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Baru Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk:
HOE Pharmaceuticals Sdn Bhd
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Baru Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP :
09/09/2022

Serial Number:
NPRA(R4/1)311018/00321